



DR 9 TAHUN 2015  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA

LAPORAN  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

**PROJEK PEMBINAAN  
LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2**

*- Kementerian Kerja Raya -*





**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Perojek Pembinaan Lebuh raya Pantai Timur 2	1
2.	Rumusan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	8
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 21/2014 pada Selasa 17 Jun 2014	9
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 21/2014 pada Selasa 17 Jun 2014	
5.	Dokumen Pembentangan	



# **LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) TERHADAP PROJEK PEMBINAAN LEBUH RAYA PANTAI TIMUR 2 (LPT2)**

## **1. PENDAHULUAN**

Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) merupakan salah satu projek mega dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9). Tempoh pembinaan asal LPT2 bermula pada bulan September 2006 dan dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Mac 2009 dengan kos RM2.09 bilion.

Kenaikan Kos Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2012 (Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) telah mendapat liputan meluas oleh media massa serta menarik minat orang awam. Setelah meneliti LKAN tersebut, PAC berpendapat perlu dibincangkan dengan lebih lanjut dan terperinci supaya PAC dapat mengemukakan pendapat dan syor terhadap isu yang dibangkitkan demi kepentingan orang ramai.

## **2. OBJEKTIF PERBINCANGAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah membincangkan isu Kenaikan Kos Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 3 Tahun 2012. Sehubungan itu, selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77(1) Peraturan-peraturan Majlis Dewan Rakyat, PAC telah bersidang pada 17 Jun 2014 bagi menemuramah dan menyiasat pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pembinaan projek ini dengan tujuan:

- i. Memastikan samada perolehan ini dibuat melalui tatacara kewangan yang ditetapkan.
- ii. Menentukan sama ada kenaikan kos pembinaan LPT2 mempunyai justifikasinya.
- iii. Mengesyorkan tindakan yang patut diambil terhadap semua pihak yang terlibat sekiranya adanya salah laku dalam pelaksanaannya.
- iv. Mengenal pasti langkah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan dalam proses perolehan kerajaan di masa akan datang.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a) Memanggil pihak yang terlibat dalam pembinaan LPT2, iaitu Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil ;dan
- b) Menjemput wakil daripada agensi pusat seperti Kementerian Kewangan; Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi untuk hadir sama.

### **4. LATAR BELAKANG PROJEK LPT2**

4.1. Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) merupakan salah satu projek mega dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9). Ianya merupakan lebuhraya bertaraf tinggi dengan empat (4) lorong dua (2) hala serta

dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti 10 persimpangan bertingkat, tiga (3) kawasan Rehat dan Rawat, dua (2) hentian sebelah dan tiga (3) stesen timbang JPJ. Pembinaan LPT2 bermula dari Jabor, Kemaman hingga ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu sepanjang 184 kilometer (km) dibahagikan kepada dua skop kerja iaitu skop kerja oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan skop kerja oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Tempoh pembinaan asal LPT2 bermula pada bulan September 2006 dan dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Mac 2009.

4.2. Skop kerja oleh LLM bermula daripada Bukit Besi sehingga Telemung merangkumi jarak pembinaan sepanjang 64 km dan Bukit Payung Spur Road (BPSR) sepanjang 16 km yang melibatkan kos berjumlah RM1.4 billion serta dilaksanakan secara rundingan terus dengan kaedah *design and build* dengan Syarikat MTD Capital Berhad.

4.3 Skop kerja oleh JKR pula adalah dari Jabor sehingga Bukit Besi dan dari Telemung hingga ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu dengan jarak 120 km serta pembinaan Spur Road sepanjang 19.4 km yang melibatkan peruntukan asal keseluruhan berjumlah RM2.090 billion dan dilaksanakan secara tender terbuka.

## **5. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Pengarah Audit Sektor Audit Khas dan Penyelidikan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Selanjutnya pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu Kementerian Kerja Raya yang diwakili oleh YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya; Jabatan Kerja Raya diwakili oleh YBhg. Dato' Adanan bin Mohd. Hussain, Timbalan Ketua Pengarah dan Lembaga Lebuhraya yang diwakili oleh YBhg. Dato' Ismail bin Md. Salleh, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya telah dipanggil untuk memberi penerangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

### 5.1. Penjelasan Awal Oleh Jabatan Audit Negara

Jabatan Audit Negara telah memaklumkan mengenai hasil pengauditan terhadap pembinaan LPT2:

- a) Secara keseluruhannya projek pembinaan LPT2 yang diuruskan oleh LLM adalah memuaskan manakala yang diuruskan oleh JKR adalah kurang memuaskan kerana projek ini tidak dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan. Hanya 7 daripada 16 pakej telah disiapkan, manakala 9 pakej lagi gagal disiapkan oleh kontraktor asal dalam tempoh kontrak walaupun telah diberikan kemudahan Lanjutan Masa (EOT) dan *Variation Of Price* (VOP) di bawah Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 3 Tahun 2008. Kesemua pakej yang belum disiapkan telah ditamatkan kontrak secara *mutual termination*. Oleh kerana *mutual termination*, kontraktor yang gagal menyiapkan Pakej 8 (Arah Jitu Sdn. Bhd.) telah dipilih semula untuk menyiapkan Pakej 8 tersebut setelah projek ini ditender semula.
- b) Semua pakej yang ditamatkan kontrak telah ditender semula oleh JKR dan dalam proses pembinaan. Bagaimanapun, proses tender semula telah mengambil masa antara 11 hingga 19 bulan dari tarikh kontrak dimansuhkan sehingga tarikh milik tapak mengakibatkan tapak pembinaan rosak serta memerlukan kos kerja tambahan tinggi bagi membaik pulih tapak.
- c) Kerajaan terpaksa menambah peruntukan sejumlah RM800 juta iaitu daripada RM2.090 bilion kepada RM2.90 bilion dalam usaha untuk menyiapkan projek ini.



## 5.2. Keterangan Oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya telah memaklumkan perkara berikut;

a) Berkenaan dengan 9 pakej yang ditamatkan kontrak secara *mutual termination*, sebanyak 4 kontraktor lama telah berjaya dipilih selain 3 kontraktor baru untuk menyiapkan 9 pakej tersebut. Daripada 4 kontraktor lama yang berjaya dipilih semula, kontraktor Arah Jitu Sdn. Bhd. berjaya mendapat kontrak bagi pakej yang sama iaitu Pakej 8. Ini kerana penamatan kontrak Pakej 8 bukan atas kegagalan kontraktor menyiapkan projek, ianya disebabkan oleh kenaikan harga bahan binaan yang menyebabkan kontraktor tidak mampu meneruskan projek dengan nilai kontrak yang terdahulu.

b) Kelewatan mengeluarkan tender semula adalah kerana mengikut tatacara perolehan Kerajaan, tawaran tender akan dikeluarkan setelah peruntukan siling projek diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Kontrak ditamatkan antara Oktober 2008 hingga Jun 2011 mengikut pakej-pakej berkenaan. Pada bulan Disember 2010, KKR memohon baki peruntukan siling daripada Kementerian Kewangan. Pada bulan Januari 2011 Kementerian Kewangan meluluskan baki sebanyak RM511.6 juta. Pada bulan Ogos 2011 EPU meluluskan peruntukan tambahan di bawah RMKe-10. Pada masa ini, kecuali pakej 4 dan pakej 7, kesemua pakej yang ditamatkan kontrak telah ditender semula. Pada bulan Mac 2012, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya pengurusan kutipan tol, kerja penyenggaraan dan baki kerja LPT2 iaitu Pakej 4 dan Pakej 7 diserahkan kepada syarikat swasta yang berminat. Namun bagitu tiada satu pun syarikat yang berminat. Dengan itu pada bulan Ogos 2012 Kerajaan memutuskan supaya pembinaan Pakej 4 dan Pakej 7 diuruskan secara tender biasa oleh JKR. Malangnya pada masa itu peruntukan untuk Pakej 4 dan Pakej 7 telah tidak termasuk dalam *rolling plan* pertama. Peruntukan hanya diluluskan dalam *rolling plan* kedua iaitu tahun 2012 dan 2013. Dengan itu untuk Pakej 4 tempoh

kontrak bermula dari 12 November 2012 hingga 9 Februari 2014 dan Pakej 7 bermula dari 1 Januari 2013 hingga 31 Ogos 2014.

c) Kenaikan kos ini memang tidak dapat dielakkan kerana pada tahun 2008 berlaku kenaikan harga bahan binaan secara mendadak. Di samping itu berlaku perubahan skop kerja yang mana Kerajaan telah memutuskan lebuh raya ini dikenakan tol untuk menampung kos penyenggaraan. Akibatnya berlaku perubahan kerja dengan tambahan membina plaza tol, kawasan rehat dan rawat, layby dan membangunkan sistem pungutan tol. Pertambahan kos RM800 juta seperti yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara adalah anggaran kos yang diperlukan untuk menyiapkan projek tersebut. Pertambahan kos sebenarnya adalah seperti berikut:

i.	Kos kontrak pakej yang ditender semula	RM330.3 juta
ii.	Tambahan skop	
	- 7 plaza toll, 2 R&R dan 1 layby	RM225.3 juta
	- Toll Collection & traffic control system	RM 45.0 juta
	- Reka bentuk, penyeliaan & utiliti	RM 45.7 juta
	- <u>Pengambilan balik tanah</u>	<u>RM 16.0 juta</u>
	<b><u>Jumlah Tambahan Kos Sebenar</u></b>	<b><u>RM662.3 juta</u></b>

Dengan tambahan kos itu, kos sebenar projek LPT2 ini dijangkakan berjumlah RM2.752 billion.

## 6. RUMUSAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC).

6.1. PAC berpendapat bahawa kenaikan kos tambahan ini adalah kerana berlaku kenaikan harga bahan binaan pada tahun 2008 serta penambahan dan perubahan skop kerja akibat daripada keputusan Kerajaan untuk menjadikan lebuh raya ini sebagai lebuh raya bertol. Dengan itu pembinaan plaza tol, kawasan rehat dan rawat, layby dan

pembangunan sistem pungutan tol dan ini mengakibatkan pertambahan kos.

6.2. PAC juga mengambil maklum penjelasan yang diberikan oleh KKR berkenaan kelewatan tender semula pakej-pakej yang belum siap memandangkan kelewatan tersebut adalah di luar kawalan mereka.

6.3. PAC berpendapat dalam kes ini kontraktor diberikan mutual termination disebabkan kenaikan harga barang binaan yang mendadak yang menyebabkan kontraktor tidak mampu menyiapkan projek ini pada harga kontrak yang asal.

## **7. SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

7.1 Kerajaan perlu melantik kontraktor yang benar-benar berkelayakan dari segi pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan kedudukan kewangan yang kukuh untuk projek lebuhraya akan datang;

7.2 Kerajaan perlu menetapkan kaedah pembinaan lebuhraya dalam perancangannya samada lebuhraya bertol atau tidak dan melaksanakannya seperti mana yang dirancang. Salah satu sebab Kenaikan kos lebihraya ini adalah kerana perubahan skop kerja berikutan perubahan dasar sumber dana bagi penyelenggaraan lebuhraya tersebut.

## **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**



**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**



**RUMUSAN & SYOR**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

PARA	RUMUSAN
6.1	PAC berpendapat bahawa kenaikan kos tambahan ini adalah kerana berlaku kenaikan harga bahan binaan pada tahun 2008 serta penambahan dan perubahan skop kerja akibat daripada keputusan Kerajaan untuk menjadikan lebuhraya ini sebagai lebuhraya bertol. Dengan itu pembinaan plaza tol, kawasan rehat dan rawat, layby dan pembangunan sistem pungutan tol dan ini mengakibatkan pertambahan kos.
6.2	PAC juga mengambil maklum penjelasan yang diberikan oleh KKR berkenaan kelewatan tender semula pakej-pakej yang belum siap memandangkan kelewatan tersebut adalah di luar kawalan mereka.
6.3	PAC berpendapat dalam kes ini kontraktor diberikan mutual termination disebabkan kenaikan harga barang binaan yang mendadak yang menyebabkan kontraktor tidak mampu menyiapkan projek ini pada harga kontrak yang asal.

PARA	SYOR
7.1	Kerajaan perlu melantik kontraktor yang benar-benar berkelayakan dari segi pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan kedudukan kewangan yang kukuh untuk projek lebuhraya akan datang.
7.2	Kerajaan perlu menetapkan kaedah pembinaan lebuhraya dalam perancangannya samada lebuhraya bertol atau tidak dan melaksanakannya seperti mana yang dirancang. Salah satu sebab Kenaikan kos lebuhraya ini adalah kerana perubahan skop kerja berikutan perubahan dasar sumber dana bagi penyelenggaraan lebuhraya tersebut.





# AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- Bilangan 21/2014 pada Selasa 17 Jun 2014



**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 21/2014 PADA SELASA 17 JUN 2014  
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

<b>TARIKH / HARI / MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT</b>
<p><b>17 Jun 2014 (Selasa)</b></p> <p><b>11.00 pagi</b></p>	<p><b>Pengauditan Prestasi Projek Lebuhraya Pantai Timur 2</b></p>	<p><b>1. Kementerian Kerja Raya</b></p> <p><b>2. Jabatan Kerja Raya</b></p> <p><b>3. Lembaga Lebuhraya Malaysia</b></p>



LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA



# LAPORAN PROSIDING

- Bilangan 21/2014 pada Selasa 17 Jun 2014







**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

**Pengauditan Prestasi  
Projek Lebuh raya Pantai Timur 2**

- Kementerian Kerja Raya
- Jabatan Kerja Raya
- Lembaga Lebuh raya Malaysia

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEDUA**



---

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 17 JUN 2014

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*  
YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]  
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]  
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]

**URUS SETIA**

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Pegawai Khas Kepada Pengerusi Jawatankuasa]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Encik Zulkipli bin Abdullah [Pengarah Audit Khas dan Penyelidikan]  
Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan I]  
Encik Tuan Azhar bin Tuan Hassan [Ketua Penolong Pengarah  
Audit Khas dan Penyelidikan, Bahagian Kajian Khas]  
Encik Zainal Abidin bin Ali [Audit Khas dan Penyelidikan Bahagian Kajian Khas]  
Puan Samsinar binti Md Yusof [Audit Khas dan Penyelidikan Bahagian Kajian Khas]

*Samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** *(Samb/-)***Kementerian Kewangan**

Encik Dzulhilmi bin Zurkarnain [Ketua Penolong Setiausaha  
(Bahagian Kawalan dan Pemantauan)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Maslina binti Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah Kanan (BPOPA)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Mohd Azraie bin Harun [Ketua Penolong Pengarah Unit Integriti Pejabat KPPA]

**Unit Perancang Ekonomi**

Encik Mohammad Noor Akmal bin Mat Isa [Penolong Pengarah Jalan, Jambatan dan Bangunan  
(JJB I)]

**SAKSI****Kementerian Kerja Raya**

YBhg. Datuk Himmat Singh [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah [Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Penswastaan]

Encik Abdul Qayyum bin Manan Mustafa [Pegawai Khas KSU]

Encik Zureen bin Zubir [Ketua Penolong Setiausaha Unit Projek Khas,  
Bahagian Pembangunan dan Penswastaan]

Encik Mohd Hazim bin Mohd Rejab [Penolong Setiausaha Unit Integriti]

Encik Jumaat bin Roselan [Penolong Setiausaha Unit Projek Khas 1,  
Bahagian Pembangunan dan Penswastaan]

Puan Nur Asmina binti Othman [Timbalan Ketua Integriti]

**Jabatan Kerja Raya**

YBhg. Dato' Ir. Annies bin Md. Ariff [Ketua Pengarah]

YBhg. Dato' Adanan bin Mohd Hussain [Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya]

Encik Kamalaldin bin Abd Latif [Pemangku Pengarah Pembinaan LPT 2]

Puan Hajah Ramlah binti Abd Rahman [Pengurus Besar (Kontrak dan Ukur Bahan)]

Puan Hajah Rosiyawati binti Mostar [Pengurus Besar (Kontrak dan Ukur Bahan)]

YBhg. Datin Nor Asiah binti Othman [Pengurus Besar Kanan Lebuhraya Pantai Timur 2)]

Puan Elya Shuhaira binti Shafie [Penolong Pengurus Besar (Lebuhraya Pantai Timur 2)]

**Lembaga Lebuhraya Malaysia**

YBhg. Dato' Ismail bin Md. Salleh [Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)]

Sr. Aziz bin Abdullah [Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia]

Encik Azman bin Jais [Pengarah Projek LLM]

Encik Azmi Mohammad [Penolong Pengarah Kanan Ukur Bahan LLM]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****SELASA, 17 Jun 2014****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.21 pagi****[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed*****mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**Tuan Pengerusi:** Okey, selamat pagi. Ahli Jawatankuasa PAC, wakil daripada Jabatan Audit Negara, wakil-wakil kementerian seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Selamat datang ke mesyuarat pada pagi ini. Pada pagi ini sebelum saya mulakan prosiding ini saya hendak maklumkan kepada Jawatankuasa PAC bahawa kita telah menerima laporan maklumat tambahan daripada Air Asia. Ini mereka memberikan maklumat tambahan untuk di dalam dan diteliti oleh Jawatankuasa PAC dalam kita punya prosiding Air Asia ini. Jadi sesiapa hendak baca maklumat ini boleh datang ke pejabat saya di PAC. Itu satu.

Kedua saya hendak ingatkan esok kita punya prosiding adalah mengenai Empangan Paya Peda di Terengganu. Hari Khamis prosiding kita berkenaan dengan penyeludupan dan sistem subsidi diesel. Itu saya minta Jabatan Audit Negara boleh *prepare* sikit maklumat untuk kita gunakan sebagai asas untuk kita bertanyakan kepada Kementerian Pertanian khusus mengenai penyeludupan di LKIM. *[Disampuk]* Diesel. Juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Dalam Negeri.

Oleh sebab kita tidak ada *reference*. So, minta Jabatan Audit Negara kalau boleh sediakan laporan sikit sebagai *reference* untuk kita gunakan masa pegawai pengawal kedua-dua kementerian datang nanti. *[Disampuk]* Sudah? Sudah buat ya. Okey. Tanpa melengahkan masa lagi pada hari ini tujuan PAC adalah untuk mengadakan prosiding mengenai Pengauditan Prestasi Projek Lebuh raya Pantai Timur (Fasa 2) ada masalah yang timbul mengenai projek ini.

Pada pagi ini kita panggil KSU Kementerian Kerja Raya, kita panggil Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya dan juga Ketua Pengarah Lembaga Lebuh raya Malaysia. Ketiga-tiga mereka ini akan memberikan taklimat kepada kita sekejap lagi. Akan tetapi sebelum itu saya minta Jabatan Audit Negara kalau boleh bagi kita, ingatkan kitalah mengenai perkara ini. Oleh sebab perkara ini sepatutnya sudah lama dalam siri ketiga tahun 2013. *[Disampuk]* Tahun 2012! Sudah lama sudah ini. Jadi kalau boleh bagi sikit maklumat mengenai ini. Terima kasih.

**Encik Zulkipli bin Abdullah [Pengarah Audit Khas dan Penyelidikan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan selamat pagi. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan sebagai *Chairman*, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini. Jadi untuk memberi penjelasan lanjut berkaitan dengan kajian audit terhadap kenaikan kos Projek Lebuh raya Pantai Timur 2 (LPT 2) serta perbandingan kos pembinaan

antara agensi yang kita buat JKR dan juga LLM. Jadi, laporan ini sebenarnya telah pun dibentangkan dalam siri bajet Oktober 2013 yang lalu yang melibatkan beberapa penemuan hasil daripada apa yang berlaku. Jadi saya akan *go through slide* yang ada.

Jadi, latar belakangnya LPT 2 ini merupakan salah satu projek mega untuk Rancangan Malaysia Kesembilan. Ia menelan belanja sebanyak RM2.09 bilion. Projek ini sepatutnya di *take off* pada tahun 2006 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2009. Di dalam projek ini sebenarnya asalnya ialah dari segi latar belakangnya melibatkan – Bermula daripada Jabor sehingga Bukit Besi dan daripada Telemong hingga ke Kampung Gemuruh Kuala Terengganu yang merangkumi jarak sejauh 120 km. Okey.

Peruntukan asal dia RM2.09 bilion dan ia dilaksanakan secara tender terbuka. *Next. [Merujuk kepada paparan slaid]* Yang kita audit skop yang dilaksanakan oleh LLM ialah meliputi sepanjang 64 km iaitu daripada Bukit Payung yang menelan belanja sebanyak RM1.4 bilion. Satu lagi adalah dilaksanakan secara rundingan terus *design and build* dengan MTD Capital Berhad. So, ada dua pakej yang wujud. Akan tetapi secara jelasnya kebanyakannya ialah daripada 12 pakej yang asalnya ia telah menjadi 16 pakej. Jadi isu nanti ialah kenapa banyaknya pakej yang terjadi setelah ia diputuskan.

**Tuan Pengerusi:** Hendak *clear* maknanya JKR, 184km...

**Encik Zulkipli bin Abdullah [Pengarah Audit Khas dan Penyelidikan]:** Ya.

**Tuan Pengerusi:**...Semua tender terbuka. LLM 64km rundingan terus kepada MTD Capital.

**Encik Zulkipli bin Abdullah [Pengarah Audit Khas dan Penyelidikan]:** MTD Capital. Itu dua. Akan tetapi 164km itu dibahagi kepada 16 pakej kemudiannya. Okey. Skop kerja dia melibatkan yang kita laksana oleh JKR ialah daripada Bukit Besi sehingga ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu iaitu 120km dan secara tender terbuka telah dibuat untuk RM2.09 bilion. Okey. Gambar dia, jalan dia itu ada peta dia. *[Merujuk kepada paparan slaid]* Itulah jalan yang akan dilaksanakan. Ada dua pakej biru dan biru gelap. *[Merujuk kepada paparan slaid]*

**Tuan Pengerusi:** Warna mana? Warna biru?

**Encik Zulkipli bin Abdullah [Pengarah Audit Khas dan Penyelidikan]:** Warna biru. Biru gelap itu. Biru itu dibuat oleh LLM. Okey, *next*. So, kita sebenarnya di peringkat awal pengauditan kita adalah untuk memaklumkan kepada Yang Berbahagia Tan Sri dan juga kerajaan kerana pada waktu itu timbul isu berkaitan dengan kenaikan harga-harga kos. Jadi kita mengaudit pada peringkat awal adalah hanya untuk melihat kepada kenaikan kos dan perbandingan kos dengan JKR dan LLM yang berlaku.

Saya terus pergi kepada penemuan audit. Jadi penemuan audit kita dapati bahawa saya kelaskan kepada tiga. Satu, kemajuan fizikal iaitu lambat siap. Kita ada beberapa pakej daripada 16 itu siap. Mereka telah pun siap dalam tempoh kontrak tetapi ada dalam lebih kurang sembilan yang tidak siap. Sehingga sekarang ada empat pakej yang masih juga belum siap iaitu setelah *retender*. So, isunya ialah yang siap kenapa boleh siap dalam tempoh? Manakala yang tidak siap kenapa tidak siap dalam tempoh yang ditentu?

#### ■ 1130

Kita sudah beri EOT, selepas kita bagi EOT harga naik pada tahun 2008, 2009 kenaikan kos. Bila kenaikan kos kita bagi lagi VOP, *Variation of Price*. Maknanya kerajaan memberi *Variation of Price* terhadap projek itu. Tetapi tidak boleh siap juga. Apa yang jadi persoalan kita tetapi kita *silence* juga ialah kenapa kita buat *mutual termination*. Pada waktu itu sepatutnya *force termination* sudah.

**Tuan Pengerusi:** Apa kontraktor yang...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Yang gagal.

**Tuan Pengerusi:** ...Yang gagal ini?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Yang gagal ini...

**Tuan Pengerusi:** 16 pakej...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** 16 pakej, lapan...

**Tuan Pengerusi:** 16 pakej, lapan gagal.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Dan kita bagi...

**Tuan Pengerusi:** Dan lapan *mutual termination*?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Yes. Jadi bila *mutual termination of course* denda tidak ada. *Of course* dia boleh pula masuk lagi bila dia di *re-tender*. So isu di sini ialah bila *re-tender* kenaikan kos sebanyak lebih kurang anggarannya RM809 juta, itu anggaran JKR. Itu yang kita *quote* sebagai apa ini.

**Tuan Pengerusi:** So selepas dia orang gagal dia orang diberi peluang untuk tender sekali lagi?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Tender sekali lagi dan ada yang berjaya.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** ...dan berjaya pula.

**Tuan Pengerusi:** Lepas sudah...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Oleh sebab *mutual termination* maka dia dibenarkan untuk...

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** ...Memasukkan semula tender.

**Tuan Pengerusi:** Dan kerja dan dia orang dapat?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Dan dapat dan ada masalah pula.

**Tuan Pengerusi:** Oh okey.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** [Ketawa] So ini kita tidak...

**Dato' Kamarul Baharin Abbas:** Open tender? Open tender?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Open tender. Ini yang kita tidak masukkan sebagai fakta kita tetapi mungkin PAC akan...

**Dato' Kamarul Baharin Abbas:** Yang lapan gagal awal asal ini jumlah kontrak dia berapa? Lapan?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Jumlah dia ada dalam kita punya *slide*. [Merujuk *slide*] Kita tengok *slide* itu *be specific*. Okey. So 19 – lapan itu berapa? Okey, *this one* ya? Pakej yang gagal. Ini yang siap, yang gagal berapa jumlah itu? Ada di dalam *slide*? *All in nine point...* 23? 23 ya? RM23 juta. Tetapi kita sudah bagi VOP sebanyak 31 bererti mengatasi jumlah kontrak asal.

**Dato' Kamarul Baharin Abbas:** *Slide* 16 ini sembilan pakejkan?

Encik Zulkipli bin Abdullah: Ya, sembilan atau lapan. Sembilan.

Tuan Pengerusi: Koperasi Belia Nasional buat jalankah?

Encik Zulkipli bin Abdullah: Ini masalahnya Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Reezal Merican: Ada PKK semua?

Encik Zulkipli bin Abdullah: Dia semua ada cuma masalah kita, kita tahu maklumat tetapi bukan kita tidak boleh mengaudit dia orang. Tetapi kita tahu maklumat apabila kita semak dan *at the same time. Ini beside story kot. At the same time company* ini terpaksa menyewa mesin, terpaksa *of course* dalam keadaan yang sama tetapi oleh sebab ada 16 pakej sama-sama berebut hendak menyewa so dia ada masalah di situ.

Datuk Seri Reezal Merican: 16 pakej, maknanya tujuh yang berjaya, sembilan yang gagal.

Encik Zulkipli bin Abdullah: Yes.

Datuk Seri Reezal Merican: *The nine* gagal. *Just to check the alignment* yang berjaya dengan *alignment* yang gagal *is it about* orang kata...

Encik Zulkipli bin Abdullah: Dia ada macam plot-plot.

Datuk Seri Reezal Merican: *Scatted...*

Encik Zulkipli bin Abdullah: Plot berjaya kepada sesetengah berjaya, dia ada pakej yang berjaya tapi ada yang tidak berjaya. So dia ada masalah hendak masuk tapak tidak ada jalan. So sepatutnya *b* fasa, tetapi oleh sebab 16. Tapi mungkin soalan tambahan yang boleh dipersoalkan ialah daripada menjadi 16 pakej bererti *preliminary cost*. Sudah menjadi 16 kali. Kalau kereta Pajero kena beli 16 buah. Pejabat 16 buah. *Rather than* kalau kita open tender kepada tiga, tiga sahaja. *That is the* status yang kita tidak boleh hendak maklumkan di sinilah.

Tuan Pengerusi: Aras Jitu yang dapat – yang menang balik *re-tender* itulah satu *company* sahajalah.

Encik Zulkipli bin Abdullah: Ya, satu *company*.

Tuan Pengerusi: Yang lain semua terkeluarlah.

Encik Zulkipli bin Abdullah: Yang lain itu dia...

Tuan Pengerusi: Atau tukar nama tetapi *same shareholder*?

Encik Zulkipli bin Abdullah: *[Ketawa]* Ha, itu yang kita tidak boleh semak.

Tuan Pengerusi: Mana tidak boleh semak.

Encik Zulkipli bin Abdullah: Dia fasal apa...

Tuan Pengerusi: ROS dan ROC sahaja pergi *check*.

Encik Zulkipli bin Abdullah: Kita pada waktu itu menyemak kenaikan kos. Jadi kita lapor objektif pada waktu itu sebelum kita hendak masuk sebagai laporan ini. Jadi apabila kita sudah lapor setakat itu sahajalah April itu.

Tuan Pengerusi: Sepatutnya selalunya *you* buat – kalau *you* sudah syak sesuatu *you* buat *further check* sama ada dia ada *common shareholder* atau tidak. Itu *normal trick...*

Encik Zulkipli bin Abdullah: Yes.



**Tuan Pengerusi:** ...Normal *trick* yang digunakan orang kata kalau nama *company* lain tetapi tidak semestinya dia punya *director* dengan *shareholder* dia bukan orang yang berbeza?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Berbeza ya.

**Tuan Pengerusi:** *I think* audit pun kena dapatkan maklumat itulah.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Ya.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Boleh itu boleh dapat sebenarnya cuma pada waktu itu untuk tujuan laporan kita *because of timing* itu. So seterusnya kita dapati bahawa kemajuan fizikal ini sangat-sangat *questionable* lah sehingga tempoh EOT kita bagi, selepas EOT kita bagi masih lagi tidak siap. Selepas *re-tender* masih mempunyai *problem*. Jangka siap pada tahun 2009 tetapi pada tarikh baru ialah tahun 2014. Bererti tempohnya begitu banyak dan kenaikan kosnya, *detail* kosnya belum dimaklumkan kepada kita, tetapi kita berdasarkan anggaran. Oleh kerana ada *alignment*, ada *problem-problem* kewangan syarikat, tetapi syarikat telah pun dibayar VOP. Sepatutnya dia syarikat tidak boleh mengaku dia ada *problem* kewangan lagi.

Segala perbezaan kos sudah dibayar oleh kerajaan. Okey, ada *problem* untuk mendapatkan batu-bata. Batu untuk buat *graver*. Jadi *portion-portion* yang diterima oleh kontraktor itu *graver* perlu diimport jauh. Sedangkan pada waktu yang sama kita sudah maklumkan MTD telah pun mendapat kawasan yang mempunyai batu di dalam kawasan itu. Jadi ianya tidak ada masalah. Tetapi secara perbandingan, kita dapati bahawa LLM, kos sekilometer ialah asalnya, JKR RM11.27 juta per kilometer berbanding dengan MTD pada waktu itu adalah RM18.68 juta satu kilometer.

Ianya melibatkan ini sehingga April 2013 ya. Ianya – tetapi selepas berlaku kenaikan harga, JKR dan juga kontraktor-kontraktor yang telah pun menuntut VOP, anggaran ataupun kos keseluruhannya menjadi RM17.9 juta satu kilometer. Sebenarnya lebih murah daripada MTD, itu keadaannya. Tetapi kenaikan itu agak melampauah *compare* itu apa yang dibuat oleh LLM. Okey.

**Tuan Pengerusi:** Ulang sekali lagi tadi. Maksudnya MTD tidak ada masalah dengan kontrak dia?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Tapi kos dia lebih mahal daripada...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Lebih mahal pada asal lagi pun.

**Tuan Pengerusi:** Daripada asal dan *revise* kos pun mahal juga?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Yes mahal. Dan dia boleh *absorb what ever* tambahan yang dibuat seperti rumah tol yang baru, *exit* yang baru. Dia boleh *absorb on that figure*.

**Tuan Pengerusi:** Oh maksudnya tol...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Dia akan...

**Tuan Pengerusi:** Sekejap, sekejap. Jalan ini jalan tolkah bukan jalan tol?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Dia jalan bertol. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Tetapi dilaksanakan oleh kerajaan itu yang jadi... Mungkin...

**Tuan Pengerusi:** Itulah selalunya tol *you privatize* tender out semua sekali.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Yes sepatutnya *concession* dia punya *agreement* ini kita buat.

**Tuan Pengerusi:** Kenapa ini *manage by* JKR dan LLM pula?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Itu kena tanyalah kot. Kena tanyalah fasal sebab apa ini seolah-olah kita buat rumah, siap rumah kita bagi orang duduk, orang lain kutip sewa. *That is the status now*. Jadi rumah-rumah tol itu disediakan dan antara jumlah yang terlibat dengan RM800 juta itu ialah pembinaan rumah tol baru untuk *exit-exit* baru itu antaranya. Dia ada *portion* dalam gambar rajah tadi. Gambar rajah *bar chart*. Okey.

■ 1140

Ini keseluruhannya untuk perbelanjaan yang melibatkan tambahan iaitu bayaran VOP biru.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Who be collecting the tolls? LLM is it?*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Dijangka ada *concession* juga yang akan *manage* dan *maintain* jalan itu. Jadi ini kita tidak *go further because* projek belum lagi siap dan rumah-rumah tol itu dalam perancangan. Tambahan rumah tol itu akan menyebabkan adanya orang yang mengutip tol. *Whereby we do not know who*.

**Datuk Seri Reezal Merican:** So rumah itu belum buat lagi?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Ada sudah, sedang buat. Bererti jalan ini akan ada *exit* banyak sebab ia jalan akan menghubungkan perhubungan yang banyak di Terengganu itu, jadi keluarnya itu banyak.

**Tuan Pengerusi:** So sekarang ini *you* kira kos *per kilometer per day* kerana pada saya mula-mula projek ini bukan projek tol.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Asalnya.

**Tuan Pengerusi:** Asalnya. So bila *you* buat projek jalan biasa yang kerajaan buat, maknanya tidak ada yang macam tol plaza dan sebagainya...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Yes, tidak ada. Cuma ada RnR.

**Tuan Pengerusi:** So sekarang ini *you* punya – Tidak tetapi kerana jalan tol kena ada *road reserve* yang lebih besar lagi untuk *water retention*. Akan tetapi soalnya sekarang ini yang kos *you* kira tadi itu semasa projek *start* dengan selepas sudah berbeza dengan dia punya kos ataupun *you* kira kos jalan sahajakah atau *you* kira kos yang semua sekali berdasarkan kepada tol...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Asalnya kos pembinaan jalan. Dia kira dia mengadsorb semua sekali itu termasuk juga dia punya aksesori.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kerana tadi *you* kata tadi kos per kilometer tinggi, bukan?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Adakah itu hanya kos jalan sahaja *you compare apple to apple tak?* Maknanya asalnya itu jalan bukan tol. Selepas itu kos per kilometer itu jalan bertol. Maknanya kos per kilometer itu naikhlah?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Naik.

**Tuan Pengerusi:** Naik kerana *spec* jalan itu sudah berubah betul-betul...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Spec* berubah dan *alignment* itu ada. *Re-alignment* pun ada yang sepatutnya tidak dibuat kerana *feasibly studies* telah pun dilaksanakan untuk projek itu. Akan tetapi selepas ada masalah kononnya perlu dibuat *re-alignment*, hal-hal pengambilan timbul semula. Itu masalah.

**Tuan Pengerusi:** Tadi ada *company* Terengganu ya yang diaward? Slaid sebelum tadi. Kita pergi slaid sebelum tadi.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Is it because of the sumber partly come from federal and partly come from state, is it due to that reason?*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Yes but* tidak ada *state*. Semua federal.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *No, I saw just now you show.*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *State* yang mana itu?

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Sumbar kewangan. Some state and some federal.*

**Encik Zainal Abidin bin Ali [Audit Khas dan Penyelidikan Bahagian Kajian Khas]:** *Sorry, sorry.* Boleh saya mencelah Yang Berhormat? Projek ini sebenarnya, *firstly* ia memang PLUSlah tetapi *because of* 50% daripada kos pembinaan ditanggung oleh kerajaan Terengganu. So syaratnya dia kata 50% daripada jumlah kontrak itu kena serah kepada kontraktor Terengganu. Itu keadaan sebenarnya.

**Tuan Pengerusi:** So maknanya 50% Kerajaan Terengganu dan 50% Kerajaan Pusat?

**Encik Zainal Abidin bin Ali:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** Kontraktor yang bermasalah ini semua yang dipilih oleh Terengganu ataupun yang kontrak?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Terengganu.

**Encik Zainal Abidin bin Ali:** *Come from* Terengganu.

**Tuan Pengerusi:** *All* bermasalah ini *come from*?

**Encik Zainal Abidin bin Ali:** *Not at all* tetapi *mostly.*

**Tuan Pengerusi:** JKR lantik ada masalah?

**Encik Zainal Abidin bin Ali:** Ada juga masalah.

**Tuan Pengerusi:** Ada juga.

**Encik Zainal Abidin bin Ali:** Adalah dalam satu atau dualah.

**Tuan Pengerusi:** Dua-dua ada masalahlah?

**Encik Zainal Abidin bin Ali:** Dua-dua ada masalah.

**Tuan Pengerusi:** Oh! So ini Kerajaan Negeri Terengganu ada ini ya...

**Encik Zainal Abidin bin Ali:** Dia ada syer...

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Try to understand, how they transforming from conventional, contract of construction job into a concession of privatization?*

**Encik Zainal Abidin bin Ali:** Ia sebenarnya untuk *development of...*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *It is because CAPEX is already focap by either state or ini. They already for out, money had been paid. Sorrylah, my language – What the hell nak kutip tol lagikan?*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Okay it's okay.*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *It is – I meant what is the business model? For example kalau concession holder - When you give the concession, and privatization, one of the most paramount matters that we need to consider is business model, the financing aspect. So you have to match. Kalau tidak, tol kutip kurang dan dia hendak bayar balik serve dia punya financing will be – These people, they are not serving financing, you know? It is because they are getting from government.*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *So what would be the model of toll ini?*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Okey. Ini dia kena jawab oleh polisi makers by kementerian because asalnya jalan tidak bertol tetapi setelah dilaksanakan, ada portion-portion dan ia bertukar menjadi tol. Tol itu pula akan diurus oleh – Ini yang kita cuma dapat consider hearsay, bukan? Kita dapat poin bahawa tol ini akan diurus oleh satu syarikat yang akan seterusnya menyelenggarakan the portion of the road, all of them. Itu sahaja. Maknanya, penyelenggaraan sahaja dia akan buat dan collecting the money after that. Maknanya kerajaan selepas membina dua point billion lebih ini, akan lepas kepada concession collection toll untuk maintain jalan. Itu prosesnya. Akan tetapi mungkin kita kena dapat...*

**Tuan Pengerusi:** *Ya, maknanya JKR will probably be able to furnish – Because the other aspect they come the question that will come next that the toll that will have to be decided. The matrixes of deciding toll will have to be proponents upon and the maintenance cost rather than the actual construction. So, 18 million per kilometer itu tidak kiralah. So the toll must be a lot cheaper.*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Saya rasa sepatutnya but we did not know because agreement pun belum ada. Cuma apa yang kita tahu ada dibina rumah tol. So kita kata must be a collection of toll akan berlaku selepas itu. Itu conditionnya tetapi kita tidak boleh hendak guest, sebab itu kita kata kenapa rumah tol itu ada?*

**Tuan Pengerusi:** *Dari segi prosedur semua ini boleh dilaksanakanlah, begitu? Asal projek itu adalah jalan kerajaan selepas itu tengah buat ditolkan. Itu kalau ikut prosedur kerajaan bolehlah?*

**Encik Zainal Abidin bin Ali:** *Ikut dasar.*

*[Off record]*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Itu kisah tol yang keluar. Kebanyakannya up grading, bukan?*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Ya, for the alignment.*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *They arrange align dari single jadi double. Ia jadi four alignment. Double courage, lebu rayalah.*

**Seorang Ahli:** *Melibatkan pengambilan balik tanah. Lagi jauh, kadang-kadang terpaksa melencong...*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Dia minta lalu agaknya. Siring bandar so kena lencong sedikit. So itu yang timbul 1A, 1B selepas itu. Bermula dengan one sahaja, okey.*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *Rumah tol itu tidak termasuk dalam original contract, ya?*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *No.*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** So tambahan?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Kontrak-kontrak selepas *retender* nanti, wujudlah ini?

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *Separate contract* atau *supplementary contract*?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Dia *consider new contract after contract* pertama gagal. Ini *complicated*.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, prosedur *why is* benda ini semua biasa dalam amalan kerajaan atau tidak? Itu soalan saya.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Okey, di luar amalan kerajaan.

**Tuan Pengerusi:** Di luar amalan kerajaan?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Contohnya, bila mana kita beri *variation of price* (VOP), kita sudah tidak boleh buat *mutual termination*. Ia sepatutnya ada kos yang terlibat kerana kita sudah bayar perbezaan harga. Tiba-tiba selepas *paying*, beri EOT dan bayar perbezaan harga *you cannot* siap, *you terminate* secara *mutual*. Itu yang tidak berapa kenalah.

#### ■ 1150

*There should be force termination where by* yang tak siap itu you kena denda.

**Tuan Pengerusi:** Yang tanya ini fasal ada elemen Kerajaan Terengganu dalam ini.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi soalnya sekarang ini adakah termination ini berlaku pada syarikat mana? Pada syarikat yang dilantik oleh JKR ataupun yang di *recommend* oleh Kerajaan Terengganu?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Ia di *recommend* oleh Kerajaan Terengganu tetapi semua dilantik oleh JKR. Semua JKR lantik. Bererti *termination* itu berlaku...

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi sekarang ini you dah boleh *identify* mana satu syarikat yang...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Ya, ya sudah.

**Tuan Pengerusi:** ...Di *recommend* oleh Kerajaan Terengganu lah. Daripada segi dasar, kalau Kerajaan Terengganu hendak bantu *the contractor* itu tidak salah.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Tak salah.

**Tuan Pengerusi:** Tak salah cuma bila dalam amalan kontrak pembinaan secara am, amalan yang dibuat oleh JKR dalam perkara ini bukan amalan biasa kerajaanlah.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Ia bukan amalan biasa.

**Tuan Pengerusi:** Itu sahajalah.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Itu sahaja. Akan tetapi, saya rasa dengan kelulusan mungkin kelulusan MOF, kemungkinan MOF dia boleh dibenarkan. So, ia ada 11 pakej sebenarnya daripada Kerajaan Terengganu yang melibatkan kontraktor Terengganu iaitu Pakej 1A, 1B, 1C, 4, 5A, 5B seperti mana di *slide* laporan 12. [Merujuk kepada *slide*]

Ini pakej bumiputera negeri Terengganu. Slide 12. Tengok balik. [Merujuk kepada *slide*] Okey, ini dia punya pakej-pakej yang diberi kepada bumiputera dari negeri Terengganu. Yang tidak siap ialah 1C, 4, 8 dan 9B. Empat. Ini *re-tender* balik kesemuanya. Okey. Dan yang lain itu siap...

**Tuan Pengerusi:** Pada pandangan audit, walaupun dasar tetapi amalan untuk pecah-pecah kontrak inikan adakah ia akan menjejaskan kualiti, menjejaskan masa, menjejaskan kos?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Ia sebenarnya kalau ikut pandangan audit, oleh sebab ini ialah pembinaan jalan, bila di pecah-pecah, ia bererti ada *portion-portion* yang menunggu jalan ini perlu boleh nak masuk atau tidak bergantung kepada satu – *package by package*. Jadi, oleh sebab kita pecahkan, ia akan melibatkan *coordination* antara kontraktor...

**Datuk Seri Reezal Merican:** Maknanya *you did a conclusion that breaking into packages ini will make the entire project* ataupun *contract management become so inefficient*.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Yes.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Sebab *despite* ada dua tiga kontrak yang *did very good, excellently and then they got DLP* dah habis...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Yes, correct...

**Datuk Seri Reezal Merican:** ...*But cannot be use because the other* tak siap.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Because the other package not siap. So, itu sure. That is what happens.*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan I]:** Akan tetapi Tuan Pengerusi, ini biasanya amalan biasalah dalam pembinaan jalan ini ia ada pakej-pakejnya. Amalan biasalah. Cuma kemungkinan dalam hal ini...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Terlampau banyak.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** ...Pakejnya terlalu banyak. Kemungkinan terlalu jaraknya, dekat-dekat pun dua kilometer pun guna satu pakej.

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Dua kilometer satu pakej.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *Designnya* kah di bawah JKR? JKR yang buat *design*? LLM buat *design*?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Ya.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *You could have done I think but I don't know whether they should have just like have two or three anchor contractor and then they can have NAC nominated sub-contractor.*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *They could be...*

**Datuk Seri Reezal Merican:** ...*So you can still... So that...*

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Payung pengurusan... *They can be* mudah lah *manage*. Akan tetapi, sekarang ini oleh sebab individu susah *manage*, dan individu pula menghadapi masalah untuk mendapatkan bahan binaan. Itu yang berlaku dan empat pakej ini sampai sekarang lah. So, dijangka siap pada 2014, November. Itu dijangka siap. Akan tetapi...

**Tuan Pengerusi:** But *spend* empat tahunlah?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Empat tahun. Bina sepatut tiga tahun – tahun 2006 ke 2009 tetapi setelah pakej tambahan itu yang melibatkan lewatnya dah empat tahun selepas bina. Okey, so saya rasa *roughly* itulah isunya.

**Tuan Pengerusi:** *Exit conference* you buat dengan mereka isu-isu ini semua you dah...

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Sudah.

**Tuan Pengerusi:** ...Dah *clear* dengan mereka ya?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** *Exit conference* kita adakan dua kali.

**Tuan Pengerusi:** Apa jawapannya?

**Encik Zulkipli bin Abdullah:** Jawapannya boleh terimalah. Terima dengan apa yang kita bangkitkan sebab dia kata pada waktu itulah pengarah sana yang menyebut wujud *CNC problem. Communication dan coordination between contract. So*, dia memang susah lah hendak ini, satu. Yang kedua, dikatakan *engineer* itulah – ada *engineer* yang mengawal projek itu. Projek-projeknya mengikut *portion*. Jadi ia ada *problem* di situ. Yang utama *beside* pada waktu itu kenaikan harga barang yang melampau. *That's it*.

**Tuan Pengerusi:** Ada soalan daripada jawatankuasa? Tidak ada? Kalau tidak ada, panggil wakil daripada kementerian.

11.55 pg.

[Saksi di panggil masuk ke bilik Jawatankuasa 1]

**Tuan Pengerusi:** Okey, semua sudah sedia? Selamat pagi saya ucapkan kepada Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya. Yang berbahagia Dato' Annies bin Md. Ariff, Ketua Pengarah Kerja Raya, Yang berbahagia Dato' Ismail bin Md. Salleh, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia serta wakil-wakil daripada Kementerian Kerja Raya.

Pada pagi ini sebenarnya Datuk, Kementerian Kerja Raya dipanggil untuk memberikan keterangan khusus mengenai projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT) Fasa 2 yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada Laporan 2012, Siri tiga ya tahun lepas. Ada beberapa isu yang timbul juga.

Memandangkan kos pembinaan lebuhraya ini begitu tinggi, PAC memandang berat lah mengenai perbelanjaan ini dan sama ada projek lebuhraya ini disiapkan mengikut masa yang ditetapkan, dibuat dengan kualiti yang baik dan tidak berbahaya kepada pengguna dan juga daripada segi tatacara perolehan juga yang dibuat ke atas projek ini. Di mana perolehan – masa yang diambil sewaktu membuat perolehan tersebut telah menyebabkan kelewatan dari segi penyediaan projek ini.

Jadi, pada hari ini saya tidak tahu Datuk dah biasa belum masuk PAC – tak biasa? Jadi, kita hendak terangkan di sini bahawa segala maklumat yang diberi akan di rekod secara *verbatim* untuk dimasukkan dalam *hansard*.

■ 1200

Kalau ada perkara-perkara yang Datuk fikir tidak wajar masuk dalam Hansard Datuk boleh beritahu kita. Paling senang sekali tutup *mic* saja. Kalau hendak cakap masuk Hansard, buka *mic*, tidak hendak cakap masuk Hansard tutup *mic* dan bercakap. Jadi untuk tidak melengahkan masa lagi, saya minta Datuk untuk memperkenalkan pasukan Datuk dan juga memberikan taklimat kepada kami. Terima kasih.

**Datuk Himmat Singh:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, salam sejahtera, selamat tengah hari. Saya Datuk Himmat Singh daripada Kementerian Kerja Raya, di sebelah kanan saya adalah Dato' Ir. Annies bin Md. Ariff, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya dan di sebelah kiri saya adalah Dato' Ismail bin Md. Salleh, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia. Boleh saya teruskan?

Okey, saya mula dengan perkongsian maklumat asas mengenai projek ini. Projek ini bermula pada September 2006, jalan panjang 184km dari Jabor ke Kuala Terengganu. Boleh saya merujuk Yang Berhormat-Yang Berhormat kepada Lampiran I dan Lampiran II di belakang *handout* yang kita edarkan. *Basically* Lampiran I adalah *maps view of the whole highway*. Dalam Lampiran II secara *schematic* yang mungkin lebih jelas menunjukkan - Kalau saya boleh merujuk kepada kolum yang kanan sekali. *Basically* yang pakej yang sebelah atas itu 104km, jajaran telah pun dibuka kepada laluan dan di bawah 55km itu jajaran dijangka buka pada penghujung bulan Julai dan yang merah di tengah itu 20km jajaran dijangka buka pada September 2014.

Antara keseluruhan jajaran yang warna merah itu adalah yang dalam pembinaan. Warna hijau itu semua telah siap. Di sini kita ada tiga kategori daripada *schematic view* ini ada yang siap dan dibuka, ada yang siap belum buka sebab ia punya *adjacent* punya jajaran masih dalam pembinaan dan ada yang belum siap iaitu yang berwarna merah ketiga-tiga itu. Itulah *over view* tentang LPT2 dari segi jajaran. Dari segi skop..

**Tuan Pengerusi:** *The second appendix* itu, *second chat*...

**Datuk Himmat Singh:** Lampiran kedua.

**Tuan Pengerusi:** Nampak warna merah, hijau semuanya macam lampu *traffic light*. [Ketawa] Silakan.

